

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 MAC 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

9.24 juta sudah mendaftar padu, Selangor masih terendah

9.24 juta sudah mendaftar padu, Selangor masih terendah

KUALA LANGAT: Seramai 42.1 peratus atau 9.24 juta rakyat Malaysia sudah mendaftarkan dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dan jumlah tersebut dijangka meningkat menjelang tarikh akhir Ahad ini.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, terkini hasil pemantauan pihaknya trafik pendaftaran secara atas talian sesak.

"Hari ini (semalam) hari ke 88 bersamaan 18 Ramadan. Berlaku peningkatan yang begitu besar orang ramai mendaftar dan mengejutkan sebelum tarikh akhir.

"Dalam tempoh berbaki ini sasaran pendaftaran dan pengemaskinan sebanyak 50 peratus mampu dicapai (berdasarkan nisbah populasi 21 juta rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat kaunter pendaftaran PADU di Kampung Sungai Buaya di sini semalam.



MOHD. UZIR MAHIDIN

Mohd.Uzir berkata, bagi pendaftaran PADU di negeri ini, seramai 1.45 juta orang atau 34.3 peratus rakyat negeri ini yang layak telah mendaftar.

Katanya lagi, walaupun peratusnya rendah namun dari segi bilangan yang mendaftar adalah

tinggi disebabkan populasi di negeri ini yang besar.

"Sasaran kita adalah 4.2 juta atau 65.7 peratus penduduk 18 tahun ke atas di negeri ini. Alhamdulillah impak Sesi Town Hall Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli bersama pemimpin komuniti negeri ini di Shah Alam baru-baru ini meningkatkan kesedaran rakyat untuk mendaftar PADU.

"Sebulan yang lalu Selangor hanya mencatatkan 13.9 peratus dan peningkatan pendaftaran pada masa ini diharap terus meningkat hujung minggu ini," ujarnya.

Mengulas lanjut beliau berkata, sebanyak tiga negeri melepassi 50 peratus pendaftaran PADU iaitu Perlis 54.4 peratus, Terengganu 50.2 peratus dan Kelantan 50 peratus.

Tambahnya lagi, negeri-negeri yang menghampiri 50 peratus pendaftaran PADU melibatkan Pahang, Perak, Sabah, Sarawak dan Kedah.